



KEKAL SELAMAT DI RUMAH IBADAT

SELANGOR TASK FORCE COVID-19 (STFC) 28 MAC 2021

Di saat kita mensasarkan pembukaan semula Rumah Ibadat secara selamat ketika penularan pandemik ini, adalah sangat penting untuk kita tetap berhati-hati dan kekal berwaspada kerana kes harian pada ketika Covid-19 masih tinggi.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengeluarkan "SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT [PKPB]" pada 4 Mac 2021 yang lalu dan pihak STFC menggesa agar garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya oleh semua pihak.

Pihak STFC turut ingin menyarankan beberapa garis panduan tambahan bagi memastikan penularan pandemik ini dapat dihentikan:

1. Lindungi warga emas/ warga tua

Memandangkan warga emas yang berumur lebih 60 tahun adalah tergolong dalam kumpulan yang berisiko tinggi untuk dijangkiti virus Covid-19, kehadiran mereka ke rumah-rumah ibadat adalah belum digalakkan.

Walaupun bagaimanapun, mungkin terdapat sebahagian dari golongan ini yang masih berminat untuk hadir. Justeru, pihak pengurusan rumah ibadat digesa untuk mengambil langkah pencegahan yang maksimum bagi melindungi golongan ini.

Pihak pengurusan rumah ibadat diminta untuk mengatur perkhidmatan khusus/ kawasan/ tempat duduk khas untuk golongan warga emas (mereka yang berumur 60 tahun ke atas) dan golongan pesakit berisiko tinggi. Untuk perkhidmatan khusus atau kawasan tempat duduk khas yang akan ditentukan ini, tambahkan jarak antara tempat duduk sehingga 2 meter dan galakkan penggunaan pelindung muka (*face shield*) di samping topeng muka (*face mask*), sementara pihak pengurusan juga perlu memastikan pengudaraan yang baik di dalam rumah ibadat.

2. Tambahkan sesi upacara ibadat dengan durasi yang dipendekkan dan jumlah kehadiran yang terhad.

Pihak pengurusan rumah ibadat adalah digesa untuk menambah bilangan sesi upacara keagamaan masing-masing dengan jumlah kehadiran yang terhad pada

satu-satu masa, berbanding jumlah kehadiran yang ramai untuk sesi yang panjang.

Secara asasnya, semakin sedikit jumlah bilangan pengunjung rumah ibadat dalam satu-satu masa, semakin kurang risiko kebolehjangkitan virus Covid-19 sesama mereka, dan semakin sedikit jumlah pengesanan kontak yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kejadian positif Covid-19 di sesebuah premis.

Oleh itu, penyediaan sesi-sesi tambahan dengan durasi yang dipendekkan dilihat mampu menjadi penyelesaian untuk membolehkan lebih ramai pengunjung mengambil bahagian secara langsung.

Pihak pengurusan rumah ibadat juga diingatkan untuk melakukan proses sanitasi setiap kali satu-satu sesi upacara berakhir.

3. Manfaatkan ruang/ tempat terbuka di rumah ibadat.

Sekiranya terdapat ruang/ tempat terbuka dan mempunyai sistem pengudaraan yang baik di dalam kawasan rumah ibadat, sila gunakan ruang ini secara kreatif bagi menempatkan para pengunjung.

Hal ini kerana Covid-19 mudah merebak di tempat yang padat, sesak dan tertutup berbanding di ruang terbuka yang mempunyai sistem pengudaraan yang baik.

4. Langkah pencegahan tambahan di kawasan pengudaraan tertutup/ kurang baik.

Bagi kawasan rumah ibadat yang mempunyai sistem pengudaraan tertutup/ kurang baik (eg; Lot kedai berhawa dingin/ ruang kecil/ tiada tingkap), pihak pengurusan diingatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga tambahan kerana pertemuan dalam situasi ini adalah berisiko tinggi.

Tambah baik sistem pengudaraan (melakukan pengudaraan silang) dengan membuka tingkap dan pintu yang ada.

Sekiranya bersesuaian, pertimbangkan untuk menambah jarak antara tempat duduk hingga 2 meter berdasarkan kapasiti yang dibenarkan, di samping menggalakkan penggunaan pelindung muka selain topeng muka.

Sementara golongan warga emas pula adalah sangat tidak digalakkan untuk berkunjung ke rumah ibadat yang mempunyai sistem pengudaraan yang tertutup seperti ini.

5. Kawal interaksi sosial di antara pengunjung rumah ibadat sebelum/ selepas upacara keagamaan dijalankan.

Pasti ramai pengunjung rumah ibadat yang teruja untuk berhubung dengan rakan dan keluarga secara bersemuka, setelah sekian lama terpisah secara fizikal. Namun, pembukaan semula upacara keagamaan perlu dilakukan dengan selamat memandangkan kempen vaksinasi baru sahaja bermula dan kes harian masih tinggi.

Untuk jangka masa ini, pihak pengurusan rumah ibadat adalah digesa untuk sentiasa mengingatkan para pengunjung agar melakukan interaksi sosial di kawasan lain yang lebih selamat, terbuka, kurang sesak dan kurang padat, dan tidak berkumpul dalam kumpulan sebelum atau selepas upacara keagamaan dijalankan.